

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MAKAN SAMPAI HABIS DAN
PENGKOMPOSAN AUTO CITY JURU
DI SKY-TV, SHOP IN D'PARK, AUTO CITY JURU
26 JANUARI 2015 (ISNIN), JAM 6.00 PETANG**

Yang Berhormat Tuan Phee Booh Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang
dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis – Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Gary Teoh

Pengarah Urusan Auto City

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Penyewa-penyewa Premis di Auto City

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera kepada semua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurusan Auto City dan semua yang terlibat kerana berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Program Makan Sampai Habis Dan Pengkomposan Auto City Juru pada petang yang berbahagia ini.

YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Program Makan Sampai Habis bermaksud satu program yang memupuk dan menggalakkan warga Seberang Perai untuk menghabiskan segala makanan yang diambil atau dimasak serta tidak membazirkan makanan tersebut.

Matlamat Program Makan Sampai Habis dianjurkan adalah untuk mengurangkan sisa organik dihantar ke Pulau Burung. Sisa makanan yang kita buang akan dibawa dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah di Pulau Burung yang seterusnya akan mengakibatkan pemanasan global. Hal ini terjadi kerana sisa makanan atau organik yang terhasil akan menjana gas metana (CH_4) iaitu 21 kali lebih bahaya dari Karbon Dioksida (CO_2). Maklumat ini diperolehi dari World Bank.

Sebenarnya 40% daripada sampah yang dihantar ke tapak pelupusan ini adalah sisa organik yang boleh dikitar semula. Oleh itu, kita perlu bekerjasama mengurangkan sisa organik yang dihasilkan untuk menjaga alam sekitar kita. Program ini amat bersesuaian bagi mengurangkan pembaziran. Budaya 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle hendaklah diaplikasikan sebagai budaya harian kita.

Warga Malaysia berminat dalam masalah sampah tetapi tidak berhasrat mengamalkan pengurusan sumber. Untuk makluman semua, Pengurusan Auto City telah mengambil inisiatif meminta pelanggannya iaitu penyewa restoran mengasingkan sisa organik untuk pengkomposan. Pihak Auto City Juru juga pada awal Januari, 2014 telah mengadakan *R & D* untuk merekacipta mesin kompos dan mesin penyiat bagi program pengkomposan. Hasil dari penyelidikan mereka, kini 4 buah mesin kompos telah berjaya dihasilkan. Dengan kerjasama dari penyewa restoran, purata sisa organik yang dikutip ialah 120 kg sehari. Ini bermakna sebanyak 43.8 tan sisa organik telah berjaya tidak dihantar ke Pulau Burung dalam tahun 2014. Tahniah diucapkan kepada Auto City kerana dapat membantu mengurangkan kesan kepanasan global. Pada tahun ini, saya difahamkan program pengkomposan ini akan meliputi seluruh kawasan Auto City.

YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dalam hirarki pengurangan sisa buangan iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle (4R)*, *Rethink* berada pada kedudukan teratas dan diikuti *Reduce, Reuse dan Recycle*. Program yang dilancarkan hari ini lebih memfokus kepada *Rethink* dan *Reduce* iaitu fikir dahulu sebelum membeli / mengambil makanan dapat mengelak pembaziran jika makanan tidak dapat dihabiskan dan seterusnya dapat mengurangkan penggunaan sumber dan kos pelupusan sampah. Jumlah berat sampah yang dilupuskan di tapak pelupusan Pulau Burung untuk tahun 2014 adalah sebanyak 434,164.590 tan dan kos pengurusan sampah adalah sebanyak RM8,770,124.72 (tipping fees - RM20.20/tan). Secara purata berat sisa organik adalah sebanyak 40% daripada jumlah berat sampah. Jika kita dapat mengitar semula sisa organik ini, kita akan dapat jimatkan sebanyak = RM3,508,049.89 ($RM8,770,124.72 \times 40\%$).

Program makan sampai habis amat penting bagi mengurangkan penjanaaan sampah. Program makan sampai habis dan lebihan makanan dibenarkan bawa balik telah bermula dalam jamuan persendirian yang diadakan oleh YB Tuan Phee Boon Poh pada 3 Jan 2015. Pada jamuan tersebut, para jemputan digalakkan membungkus balik makanan lebihan

dan dianggarkan lebih 50 kg makanan dapat dielak dari dibuang sebagai sisa.

YB dan para hadirin sekalian,

Majlis Pelancaran Program Makan Sampai Habis Dan Pengkomposan Auto City amat bermakna bagi mengurangkan kepanasan global. Dengan mengambil bahagian dalam program Makan Sampai Habis dan pengkomposan ini, pengeluar atau pengguna bukan sahaja membantu memelihara alam sekitar malah memperolehi manfaat dalam bentuk penjimatan kos operasi atau harian. Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada bumi kita namun dengan menyertai program ini sebenarnya ia merupakan titik tolak kita mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada tabiat pembaziran yang dilakukan.

MPSP berharap Auto City dapat mencapai sisa sifar dengan mengitar semula barang yang boleh dikitar semula, mengurangkan bahan yang tidak boleh dikitar semula dan pengkomposan sepenuhnya sisa organik.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.